

04/05/1999

Kakitangan kerajaan mesti setia

Zulkofli Jamaludin; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Mahathir Mohamad mengingatkan pegawai dan kakitangan awam agar berkhidmat dengan penuh setia bagi melancarkan sistem pentadbiran negara.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya kakitangan awam mula berusaha menjatuhkan kerajaan, sistem dan jentera pentadbiran akan menjadi kucar-kacir.

"Sebagai anggota kerajaan, kita tidak ada pilihan selain melaksanakan dasar, arahan dan rancangan yang disusun kerajaan yang dibentuk melalui sistem demokrasi," katanya ketika merasmikan Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah Seluruh Malaysia di sini, hari ini.

Persidangan selama dua hari itu dihadiri pegawai daerah, pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri serta pengarah pembangunan persekutuan dan pengarah pembangunan negeri.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Dr Mahathir berkata, beliau sedar ada pegawai pentadbiran di banyak peringkat berpendapat perlu ada reformasi dalam kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, anggota kerajaan tidak ada pilihan selain melaksanakan rancangan dan program kerajaan yang menjadi pilihan rakyat, sehinggalah kerajaan baru ditentukan melalui pilihan raya.

"Dalam sistem demokrasi berparlimen, jentera pentadbiran ialah alat kerajaan yang dipilih rakyat. Oleh itu, mereka tidak boleh membuat pendirian yang terasing dari kerajaan.

"Sehinggalah datang masa mungkin kerajaan ditukar dalam pilihan raya. Ketika itu, kita sebagai pentadbir terpaksa menerima pula kerajaan baru walaupun kita tidak suka," katanya.

Perdana Menteri berkata, kesetiaan anggota kerajaan dalam menjalankan tugas seperti juga perlu agar perancangan yang disusun dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna.

"Apabila kita dapati anggota pentadbiran sudah memihak kepada orang itu dan orang ini, dan menyalah guna kuasa untuk menjayakan pendirian mereka, kerajaan akan menjadi lemah.

"Apabila kerajaan baru yang dipilih berkuasa, maka anggota lain yang mungkin menyokong kerajaan lama, pula akan melakukan sabotaj bagi menggagalkan rancangan mereka," katanya.

Sambil menyifatkan kerajaan yang kukuh penting, Dr Mahathir berkata negara kini menghadapi cabaran besar iaitu penjajahan melalui ekonomi.

"Dahulu kuasa besar menghantar tentera untuk menawan sesebuah negara. Tetapi kini melalui kegiatan ekonomi, mereka boleh menguasai negara membangun.

"Mereka boleh hancurkan negara dengan menurun nilai mata wang. Apabila kita meminta bantuan, mereka akan mengenakan beberapa syarat supaya membuka pasaran bagi membolehkan orang asing dapat berniaga," katanya.

Menurut Dr Mahathir sekiranya keadaan itu berlaku, ahli perniagaan yang mempunyai dana yang besar boleh memaksa kerajaan mengubah dasar dan boleh tukar pemimpin sesuka hati mereka seperti yang berlaku di Amerika Selatan.

Perdana Menteri berkata, apabila pemimpin negara ditentukan oleh orang asing, Malaysia akan menjadi wilayah jajahan semula.

(END)